

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa dianggap sebagai suatu sistem lambang pertuturan yang arbitari masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka. Manusia menggunakan bahasa untuk menyampaikan perasaan, isi hati, kehendak dan pendapat mereka.

Sapir (1915), telah menekankan bahawa fungsi bahasa adalah sesuatu yang informatif dan emotif. Ia digunakan oleh manusia untuk menyampaikan fikiran dan perasaan. Pada amnya bahasa dianggap sebagai satu sistem berstruktur daripada bunyi-bunyi vokal dan urutan bunyi-bunyi yang digunakan sewenang-wenangnya. Bahasa juga boleh digunakan dalam komunikasi antara individu-individu dengan yang lain atau oleh sekumpulan manusia.

Bahasa dan kesusasteraan saling berkaitan. Dengan demikian kajian bahasa ini hanya akan sempurna jika dikaitkan dengan perkembangan kesusasteraan. Perkembangan kesusasteraan merupakan pelengkap kepada perkembangan bahasa. Kesusasteraan lahir melalui perasaan manusia dan dianggap luahan perasaan manusia kerana ia merangkumi pengalaman hidup yang dilaluinya. Perasaan dan pengalaman yang menyentuh hati akan menjadi tema kreatif dalam sastera. Wilbur Scott (1962), menyatakan bahawa kesusasteraan tidak boleh dibentuk dalam satu 'vacuum'. Ini kerana kelahiran kesusasteraan mempunyai hubungan dengan kesan

masa, bangsa dan persekitaraan. Ringkasnya, beliau menyatakan kesusasteraan sebagai satu refleksi sosial yang wujud sejak wujudnya tamadun dan peradaban manusia.

Puisi dianggap sebagai bentuk genre awal di dalam semua bahasa. Kemunculan puisi dalam perkembangan kesusasteraan sesuatu bahasa merupakan suatu kesempurnaan dalam kesusasteraan tersebut. Puisi merupakan genre kesusasteraan yang diterima umum sebagai bentuk karya sastera yang paling tua dalam semua bahasa. Karya agung yang unggul seperti *Mahabarathatam*, *Ramayanam* (Bahasa Sanskrit), *Tholkappiyam*, *Silappathikaram*, *Tirukkural* (Bahasa Tamil), *Odypus*, *Hemlet* dan *Macbeth* (Bahasa Inggeris) didapati tertulis dalam bentuk puisi.

Persoalan mengenai permulaan puisi, waktu dan bagaimana masyarakat berkomunikasi melalui puisi adalah antara persoalan yang kontroversi dan sukar dibuktikan. Dharmawijaya (1998), berpendapat bahawa sesuatu masyarakat itu menggunakan puisi sebaik sahaja anggota masyarakat itu dapat berkomunikasi dalam bahasa. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kelahiran puisi adalah sejajar dengan kelahiran bahasa.

Kekerapan pembicaraan tentang definisi dan huraian puisi terutamanya adalah pada pengertian dan pemikiran yang universal. Dalam setiap bahasa puisi mempunyai erti dan konsep yang berbeza. Walau bagaimanapun, puisi boleh difahamkan sebagai suatu bentuk pengucapan dalam susunan yang istimewa. Ia harus mempunyai susunan ciri-ciri tertentu untuk digolong sebagai puisi dalam kesusasteraan.

Mengikuti Harun Mat Piah (1997), puisi haruslah memperlihatkan susunan penggunaan bahasa yang lebih baik, ekspresif, kental, mengandung nilai-nilai keindahan misalnya penggunaan imajan, metafora dan unsur estetika bahasa. Beliau menegaskan bahawa, sebuah puisi harus menimbulkan rangsangan, memberikan kualiti dan pengertian yang lebih berkesan kepada pengalaman dan penegasan melalui estetika bahasanya. Menurutnya, ungkapan-ungkapan puisi yang dipengaruhi oleh irama yang harmoni merupakan unsur yang penting dalam puisi. Beliau menegaskan bahawa rima, termasuk asonansi dan aliterasi merupakan unsur-unsur yang amat penting dalam penciptaan puisi. Pandangan Harun Mat Piah telah memberi rumusan bahawa ciri-ciri puisi yang disebutkan di atas hanya sebahagian sahaja daripada ciri-ciri puisi universal. Walau bagaimanapun, puisi dalam kesusasteraan sesuatu bahasa berbeza daripada bahasa lain, tetapi sesuatu susunan atau ungkapan itu dapatlah dinilai sebagai puisi berdasarkan ciri-ciri kepuisian.

### **1. 1 PERKEMBANGAN PUISI BAHASA TAMIL**

Dalam Kesusasteraan Tamil, puisi dianggap genre yang penuh abstrak dan unggul dengan estetika bahasa yang indah sejak *zaman sangkam* (Zaman perkembangan kesusasteraan klasik Tamil). Zaman perkembangan puisi Tamil mula sebelum tahun masihi. Dianggarkan bahawa puisi Tamil merupakan genre sastera yang paling awal berkembang dan berusia 2500 tahun (Varadarasan.Mu.,1972: 27). Sejak zaman *sangkam*, kesemua jenis hasil kesusasteraan yang dilahirkan adalah dalam bentuk puisi. Hasil karya Bahasa Tamil dalam bentuk puisi merangkumi hampir semua bidang termasuk astrologi, perubatan tradisional, nilai-nilai etika dan epik. Dalam Zaman Pra

*sangkam* dan Pasca *sangkam*, kesusasteraan yang dihasilkan dalam bentuk puisi sahaja dianggap sebagai karya kesusasteraan.

Pada awal zaman, perkembangan kesusasteraan dan puisi hanya berkembang sebagai sastra rakyat berbentuk lisan. Ia disebarkan sejak turun-temurun sebagai sastra lisan. Puisi-puisi klasik Tamil yang dilahirkan sejak zaman *sangkam* adalah dalam bentuk berirama dan berentak. Keadaan ini menjadikan puisi mudah untuk dilafaz dan diperkembangkan sebagai bahasa sastra komunikasi lisan. Keistimewaan puisi Tamil ini memartabatkan puisi sebagai genre yang paling unggul dan disegani sejak Zaman *sangkam*. Ketiadaan kemudahan percetakan pada ketika itu telah mendorong perkembangan puisi sebagai sastra lisan. Ini adalah kerana penyampaian secara lisan menjadi satu-satunya cara penyampaian sastra dari satu generasi ke generasi lain. Lantaran, puisi mengalami perkembangan yang mendadak dan diberi keutamaan dalam perkembangan Kesusasteraan Tamil.

Walaupun bentuk puisi rumit dan kompleks berbanding prosa, namun puisi mudah dipertuturkan sejak zaman *sangkam*. Ini adalah kerana, sejak zaman *sangkam* komunikasi lisan adalah berbentuk puisi. Keadaan ini menjadi kebiasaan rakyat dan digelar sebagai *makaL iyalbu vazaku* (bentuk kelaziman masyarakat) serta dianggap sebagai hasil kesusasteraan unggul dalam Bahasa Tamil. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui satu puisi di bawah dari Tholkappiyar (Karya tatabahasa unggul Bahasa Tamil):

Bahasa Tamil-BT

jkpo;\$W ey;Yyfj;J

*tof;Fk; nra;ASk; MapU Kjypd;*

vOj;Jk; nrhy;Yk; nghUSk; ehbr;

nre;jkpo; ,aw;if rptzpa epyj;njhL....

(njhy; : ghapuk;)

*Tholkappiyam*

Transliterasi - TR

Tamil ku:Ru nal ulakattu

*Vazakkum CeyyuLum a:yiru muthaliN*

Ezuthum sollum poruLum na:di

Senthamiz iyaRkai sivaniya nilathodu....

Bentuk puisi membolehkan Masyarakat Tamil menyampaikan idea secara ringkas dan jitu berbanding bentuk prosa. Keistimewaan ini menjadikan puisi mudah disalurkan pada generasi seterusnya dan lantas menjadikannya berkembang pesat.

Dalam perkembangan kesusasteraan *sangkam* (tahun 500 S.M. hingga tahun 200 M.) puisi memainkan peranan yang amat besar. Pada awal zaman perkembangan kesusasteraan Bahasa Tamil, puisi jenis *akaval*, *kalipa* dan *paripa:dal* merupakan jenis puisi yang awal berkembang serta menjadi jenis puisi yang popular (Varadarasan.Mu.,1972:21). Puisi jenis ini seterusnya berkembang sebagai puisi berbentuk *ceyyuL* (puisi klasik) yang mana dapat dikategorikan kepada 4 jenis yang berikut:

i) *venpa:* :

Jenis – jenis *venpa:*

- a) *kuraL venpa:*
- b) *cinhtiyal venpa:*
- c) *aLaviyal venpa:*
- d) *paxRodai venpa:*
- e) *kali venpa:*

ii) *a:cirayappa:* :

Jenis – jenis *a:cirayappa:*

- a) *nhe:risai a:ciriyappa:*
- b) *inaikuRaL a:ciriyappa:*
- c) *nhilaimantila a:ciriyappa:*
- d) *atimaRi a:ciriyappa:*
- e) *a:ciriyappa: viruththam*

iii) *kalippa:* :

Jenis – jenis *kalippa:*

- a) *koccakak kalippa:*
- b) *Kattalalak kalippa:*
- c) *Kalittha:lizai*
- d) *kalitthuRai*
- e) *Kattalalai kalitthuRai*
- f) *Kaliviruththam*

iv) *vanjippa:* :-

Jenis – jenis *vanjippa:*

- a) *kuraLati vanjippa:*
- b) *cinhthati vanjippa:*
- c) *vanjiththa:lizai*

- d) *vanjiththuRai*
- e) *vanjiviruththam*

Pada Tahun Masihi 1 hingga 2, puisi jenis *venba*: dianggap puisi klasik yang berkembang secara pesat. Jenis-jenis puisi seperti *akaval* dan *kalippa*: semakin hilang kepentingannya. Puisi jenis *pannathi*, juga dapat dilahirkan oleh penyair pada zaman ini.

Kelahiran epik *Silapathika:ram* dalam kurun ke-2, memulakan satu era baru dalam perkembangan puisi Tamil. Epik–epik baru mula diilhamkan melalui penggunaan puisi secara keseluruhan. Seterusnya pada kurun ke tujuh hingga lapan, puisi-puisi berbentuk keagamaan dilahirkan untuk memperkembangkan mazhab masing-masing oleh *a:zva:rgaL* dan *nayaNma:rkaL* (mubaligh agama Hindu). Mereka memilih puisi jenis *virutham* (puisi klasik yang mempunyai 4 – 40 bait dan mempunyai 4 baris dalam satu rangkap) untuk menghasilkan puisi keagamaan mereka. Oleh kerana jenis puisi ini melambangkan kehalusan sastera yang penuh dengan estetika bahasa, ia berkembang pesat dalam kurun ke-lapan.

Dalam Kurun ke-17, puisi rakyat mula dilahirkan oleh penyajak. Puisi jenis *sinthu*, *kanni* dan *kummi* yang menjadi sastera rakyat mula mengambil tempat dalam Kesusasteraan Tamil. Kurun 18 dan 19 merupakan zaman kegemilangan dalam perkembangan puisi Tamil. Penyair angkatan muda seperti Subramania Barathiyar dan Barathithasan telah menghasilkan puisi dengan bahasa mudah dan merapatkan puisi dengan masyarakat. Sehingga kini, walaupun jenis genre kesusasteraan moden seperti

novel, cerpen dan prosa telah berkembang pesat, puisi masih mempunyai martabat yang tinggi dalam Kesusasteraan Tamil.

## **1.2 PERKEMBANGAN PUISI TAMIL MALAYSIA**

Dalam Kesusasteraan Tamil Malaysia, perkembangan puisi merupakan genre yang penuh abstrak dan unggul. Puisi Tamil Malaysia dianggap unggul kerana ia dianggap sebagai genre yang dapat mencerminkan pergolakan masyarakat dengan jelas serta memaparkan estetika bahasa yang tinggi. Ia juga menjadi inspirasi dan panduan kepada generasi muda. Secara amnya perkembangan Puisi Tamil Malaysia berlaku dalam tiga cara iaitu :

- i. Perkembangan sebagai bahasa lisan
- ii. Perkembangan melalui hasil nukilan dalam majalah dan akhbar
- iii. Perkembangan melalui penerbitan antologi.

### **1.2.1 Perkembangan puisi sebagai bahasa lisan**

Perkembangan Kesusasteraan Tamil Malaysia mekar dan kembang sejak penghijrahan Masyarakat Tamil ke Tanah Melayu semasa zaman pemerintahan British. Pada peringkat awal, perkembangan Kesusasteraan Tamil berkembang sebagai kesusasteraan lisan. Rekaan lagu-lagu balada merupakan jenis puisi awal yang dilahirkan dalam perkembangan puisi di Tanah Melayu. Sebelum kemunculan majalah dan akhbar, rakyat biasa yang tinggal di ladang-ladang mula meluahkan perasaan dan penderitaan mereka melalui lagu-lagu balada. Corak permasalahan masyarakat ladang



seperti resahan dan ketidakpuasan akibat penghijrahan, kemiskinan, tekanan kerja, masalah persekitaran yang mengancam dan penderitaan yang ditanggung akibat pihak pengurusan ladang menjadi ilham dalam lagu-lagu balada yang dilahirkan secara lisan. Keadaan ini digambarkan melalui puisi balada di bawah:

BahasaTamil - BT

rPdpf;Ff; fhf;fha; Xl;l - \$l;bfpDte;j  
fWg;Gr; rl;il fjpu;NtY fq;fhzp!  
yhyhd; Ks;S bq;Fd;DNj - ,q;F  
yg;gu;f; nfhl;il lg;Gd;DNj!

Transliterasi – TR

ci:Niku ka:ka:i o:tta – ku:tikiNuvantha  
kaRuppu cattai kathirvelu kangka:ni!  
la:la:n muLLu dingkuNNuthe – ingku  
lapark kottai tappuNNuthe:!

Dalam puisi ini, penyajak meluahkan resahan hati pekerja ladang akibat migrasi dari tanahair mereka ke Tanah Melayu. Kandungan puisi ini menceritakan bagaimana mereka ditipu dengan kata-kata manis mengenai Tanah Melayu. Penyair juga mencurahkan kekecewaan dan penderitaan mereka hadapi dengan perasaan sayu.

Di samping tema-tema di atas, penyair sastera rakyat ini, turut mengutarakan tema seperti penderitaan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, gangguan seksual pihak pengurusan ladang dan keagamaan dalam puisi mereka.

### **1.2.2 Perkembangan puisi melalui hasil nukilan dalam majalah dan akhbar**

Majalah yang berjudul *singkai varthama:ni* merupakan majalah Tamil yang pertama dicetak di negara ini dalam Bahasa Tamil. Majalah bulanan ini diterbitkan pada tahun 1875. Penerbitan majalah ini memberi ruang untuk percetakan majalah Tamil berkembang luas (Jayaraman. N.V.,1988:30). Perkembangan ini secara tidak langsung menjadi suntikan kepada perkembangan puisi yang pesat. Sehingga tahun 1956 sebanyak 130 majalah telah diterbitkan dalam Bahasa Tamil. Kelahiran majalah–majalah ini menjadi sumber penting dalam perkembangan Puisi Tamil Malaysia. Penerbitan Akhbar Tamil Nesan pada tahun 1923 dan Akhbar Tamil Murasu pada tahun 1935 serta Akhbar Tamil Kodi pada tahun 1941 turut memberi sumbangan besar pada peringkat awal perkembangan puisi Tamil Malaysia (Murasu Nedumaran.,2000:4).

### **1.2.3 Perkembangan puisi melalui penerbitan antologi.**

Dalam sejarah perkembangan Puisi Tamil Malaysia didapati sajak bertajuk '*irunthum payamenna?*' merupakan sajak Tamil pertama di Malaysia. Puisi berirama ini dihasilkan pada tahun 1866 oleh Narayanasamy Nayagan dari Singapura.

Hasil kajian ke atas penerbitan Antologi Puisi Tamil Malaysia pula menunjukkan penerbitan antologi '*a:rumugap patikam*' pada tahun 1870-an merupakan penerbitan antologi kesusasteraan puisi pertama di Malaysia (Jayaraman. N.V.,1988:31). Antologi ini dihasilkan oleh penyair Maru.Vengasalam Pillai. Pada tahun 1872, wujud kesinambungan dalam usaha-usaha penerbitan antologi puisi. Penyair Muhamathu Abthul Kathiru Pulavar telah menghasilkan antologi '*muNajatu tirattu*' bertemakan nilai-nilai keagamaan. Dalam jangka masa empatbelas tahun

selepas ini, tiada sebarang antologi puisi diterbitkan. Keadaan ini berubah apabila kemunculan antologi *'malaka piravesa tirattu'* pada tahun 1886. Penyair Sevata Marakayar, memberi nafas baru dalam perkembangan puisi Tamil di Malaysia dengan penerbitan antologi ini.

Penerbitan koleksi puisi-puisi yang bertajuk *vannai antha:ti, vannai nakar u:njal, singkai nakar antha:ti*, dan *citirak kavikal* oleh Sathasiva Pan:dithar pada tahun 1887, membuka lembaran gemilang dalam penerbitan antologi puisi Tamil di Tanah Melayu. Ekoran daripada penerbitan-penerbitan antologi ini, penyair-penyair tempatan mendapat inspirasi baru dan menghasilkan antologi secara individu dengan lebih giat. Maka, perkembangan dunia puisi menjadi pesat menuju ke arah kegemilangan. Secara umumnya, perkembangan Puisi Tamil Malaysia boleh digolongkan kepada lapan tahap mengikut tempoh masa antologi puisi dihasilkan. Penghasilan antologi puisi dalam tempoh masa tersebut memperlihatkan tema yang berbeza-beza. Ini menunjukkan tema puisi berubah seiring dengan peredaran zaman.

**Jadual 1.1**  
**Jumlah Antologi Puisi Yang Dihasilkan**  
**Dari Tahun 1887 Hingga 2000**

<b>Bil</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Jumlah Antologi</b>
1.	<b>Satu</b>	Dari tahun 1872 hingga 1900	11 buah antologi
2.	<b>Dua</b>	Dari tahun 1901 hingga 1940	22 buah antologi
3.	<b>Tiga</b>	Dari tahun 1941 hingga 1947	07 buah antologi
4.	<b>Empat</b>	Dari tahun 1948 hingga 1960	06 buah antologi
5.	<b>Lima</b>	Dari tahun 1961 hingga 1970	31 buah antologi
6.	<b>Enam</b>	Dari tahun 1971 hingga 1980	58 buah antologi
7.	<b>Tujuh</b>	Dari tahun 1981 hingga 1990	71 buah antologi

<b>8. Lapan</b>	Dari tahun 1991 hingga 2000	38 buah antologi
<b>Jumlah</b>		244 buah antologi

*Sumber : Makalah Seminar Puisi Tamil Malaysia  
Terbitan kavilai enterprise Kuala Lumpur - 2000 – m.s. 33 dan 40)*

Melalui kajian rintis, dapat difahami bahawa perkembangan puisi Tamil dalam lapan peringkat ini menunjukkan satu corak pemikiran yang berbeza dalam kalangan penyair tempatan. Di peringkat satu kebanyakan puisi yang dihasilkan adalah diilhamkan daripada corak pemikiran penyair-penyair Tamil di negeri Tamilnadu, India. Pada peringkat ini ramai penyair menghasilkan puisi-puisi yang bertemakan keagamaan dan kebangkitan semangat kebangsaan bercirikan negara India. Penyair-penyair tempatan pada tahap ini memberikan penumpuan yang lebih tinggi terhadap pembicaraan tema puisi berbanding keindahan bahasa dalam puisi mereka. Dengan itu, nilai-nilai keindahan bahasa kurang terserlah dalam puisi pada zaman ini. Pada amnya dapat dirumuskan bahawa puisi yang diilhamkan sebelum tahun 1941 dan selepas tahun 1941 mempunyai dimensi yang berbeza dalam pembicaraan tema. Sebelum tahun 1941, kebanyakan puisi bertemakan unsur keagamaan berbanding tema kemasyarakatan selepas tahun 1940-an. Di samping itu, puisi-puisi yang dihasilkan selepas tahun 60-an pula jelas membayangkan unsur-unsur keindahan bahasa secara luas berbanding puisi-puisi sebelum 60-an yang dihasilkan oleh penyair.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Keindahan bahasa menjadi unsur penting sebuah karya terutamanya puisi. Malah ia juga menjadi pengukur mutu karya tersebut. Za'ba menekankan bahawa

keindahan bahasa merupakan komponen penting untuk menggambarkan isi hati seorang penyair. Semasa membicarakan definisi puisi, beliau menyatakan puisi sebagai karangan berangkap yang khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang menarik dengan bahasa yang cantik (Za'ba., 1965:28). Penggunaan bahasa indah dalam puisi diberikan penekanan dan menjadi asas kepada kelahiran puisi yang sempurna.

Keindahan bahasa adalah satu kemestian dalam karya kesusasteraan. Ini bererti, unsur-unsur keindahan puisi harus digunakan oleh penyair untuk menyampaikan perasaan dan fikiran dalam bentuk yang mudah dan mendalam kepada pembaca. Sebuah puisi yang sempurna dengan penggunaan bahasa yang tepat, bernas dan penuh kehalusan, mudah dihayati oleh pembaca.

Puisi Bahasa Tamil di Malaysia merupakan genre sastera yang abstrak yang penuh dengan lambang dan interpretasi tersendiri. Walau bagaimanapun ia cukup menarik dan sesuai sebagai genre yang menggambarkan emosi dan luahan hati mengenai pengalaman hidup. Penyair-penyair Tamil di Malaysia dapat menggunakan keindahan bahasa yang luas dalam puisi mereka untuk menggambarkan tema dan isi dalam puisi mereka (Murasu Nedumaran.,1988:15). Keindahan bahasa dalam Puisi Tamil Malaysia jelas berkembang mengikut peredaran zaman. Peredaran zaman turut membawa perubahan dalam corak pemikiran penyair dan ini sejajar dengan perubahan dalam tema pilihan mereka. Perkembangan ini menjadi inspirasi kepada penyair dalam memilih unsur-unsur keindahan bahasa yang berbeza-beza mengikut zaman.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu di antara tahun 1942-1945 membawa satu dimensi baru dalam gaya pemikiran penyair tempatan. Penyair mula menghasilkan puisi-puisi yang bertemakan pergolakan hidup, kezaliman pemerintahan Tentera Jepun serta kejayaan orang Jepun di dalam Peperangan Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, pada dasarnya kebanyakan unsur estetika bahasa masih lagi tidak tercermin dalam puisi-puisi pada peringkat ini. Kesengsaraan semasa pendudukan Jepun telah menyekat penyair daripada meluahkan perasaan mereka dengan keindahan bahasa yang indah dalam puisi mereka.

Di antara tahun 1946 hingga 1957, negara menuju ke arah kemerdekaan. Semangat kemerdekaan semakin berkobar di jiwa masyarakat. Keadaan ini membawa satu anjakan paradigma baru kepada penyair tempatan dalam penghasilan puisi mereka. Penyair-penyair mula menghasilkan sajak-sajak berunsurkan masalah kehidupan, keperluan semangat kemerdekaan, unsur-unsur reformasi yang perlu ada pada daya pemikiran Masyarakat Tamil dan kebangkitan semangat perpaduan dengan mengaitkan pengalaman hidup mereka.

Mengikut Jayaraman.N.V.,(1988:32), era selepas kemerdekaan merupakan permulaan penting dalam perkembangan puisi Tamil Malaysia – (Makalah Seminar Puisi Tamil Malaysia - m.s.36). Mengikut beliau, tahun 1960–1970, merupakan zaman di mana negara mengalami era perubahan dan pembangunan selepas merdeka. Justeru itu, puisi-puisi Tamil turut melambangkan perubahan ini. Kepelbagaian tema memberi

peluang kepada penyair-penyair tempatan menggunakan keindahan bahasa dengan luas dalam karya hasil mereka. Pada zaman ini dapat diperlihatkan beraneka jenis corak dalam penggunaan estetika bahasa dalam Puisi Tamil Malaysia.

Kemunculan puisi Tamil selepas tahun 70-an merupakan zaman kegemilangan dalam perkembangan Puisi Tamil Malaysia. Ramai penyair muda muncul dan mula menghasilkan puisi-puisi dalam pelbagai tema. Angkatan penyair muda tempatan ini telah memilih semangat perpaduan antara kaum, kepentingan memartabatkan adat, budaya dan bangsa, penghayatan terhadap alam semesta dan pergolakan dalam sosio-ekonomi masyarakat sebagai tema dalam puisi mereka. Keadaan ini melahirkan puisi-puisi yang kaya dengan variasi berbeza dalam penggunaan keindahan bahasa termasuk diksi, metafora, simile, perlambangan dan personifikasi.

Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa keindahan bahasa merupakan komponen penting untuk menyatakan fikiran dan meluahkan perasaan penyair dalam sajak. Penyair Tamil Malaysia menggunakan unsur-unsur seperti diksi, metafora, simile secara luas untuk menyampaikan tema puisi mereka kepada pembaca dengan mudah. Perubahan sosio-budaya serta perkembangan politik di tanah air mempelbagaikan tema pilihan penyair serta penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa dalam pelbagai variasi dalam hasil nukilan mereka.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN :**

Objektif kajian ini adalah mengkaji penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa mengikut tema dalam Puisi Tamil Malaysia dari tahun 1971 hingga 2000.

## **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah jenis diksi yang digunakan mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971 hingga 2000?
2. Apakah jenis metafora yang digunakan dalam puisi-puisi Tamil di antara tahun 1971 hingga 2000?
3. Apakah jenis penggunaan simile yang digunakan dalam puisi-puisi Tamil di antara tahun 1971 hingga 2000?

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat melihat kedalaman penyair-penyair Tamil tempatan menggunakan keindahan bahasa dalam membicarakan tema dan menyampaikan mesej puisi kepada pembaca.

Sehingga sekarang belum ada kajian yang terperinci mengenai Puisi Tamil Malaysia dari segi keindahan bahasa mahupun temanya. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk mengisi kekosongan tersebut. Dengan demikian, kajian ini merupakan satu kajian printis dalam aspek keindahan bahasa dalam antologi puisi. Penyelidik menjalankan kajian ini untuk mencerminkan kandungan keindahan bahasa yang kaya dalam Puisi Tamil secara menyeluruh.



Puisi secara umumnya mempunyai nilai seni yang menyelebungi jiwa dengan halus dan seterusnya dijemakan melalui kata-kata yang indah. Dengan demikian, bahasa menjadi alat untuk menampilkan unsur keindahan bahasa yang berkaitan dengan hakikat keindahan dan seni. Bahasa bukanlah sesuatu yang tersedia indah sebaliknya, keindahan bahasa hanya dapat diamati dengan penggunaan dan pengaplikasian secara utuh melalui pemilihan, pembentukan serta penyusunannya oleh penyair. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji sejauhmana penyair Tamil tempatan dapat menggunakan keindahan bahasa yang indah untuk melaksanakan keutuhan atau kesempurnaan serta keseimbangan bentuk dalam puisi mereka. Kajian ini juga akan merangkumi bagaimana penyair memperlihatkan pengalaman jiwa, terutama perasaan dan pemikiran melalui puisinya. Dengan kajian ini juga, pengkaji berharap dapat memaparkan kehalusan dan kepadatan Puisi Tamil Malaysia dengan nilai-nilai keindahan kesusasteraan yang tinggi dan bermutu.

Melalui kajian ini, penyelidik berhasrat untuk mempertengahan kepada penulis-penulis muda yang akan datang mengenai sejauhmana keindahan bahasa mempunyai kepentingannya dari segi membicarakan tema pilihan dalam puisi mereka.

Pengkaji berharap kajian ini boleh menjadi rujukan ilmiah utama kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji bidang kesusasteraan dari perspektif perkembangan Puisi Tamil Malaysia. Diharap kajian ini akan menjadi panduan kepada kajian- kajian seterusnya dalam bidang ini.

## 1.7 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, puisi-puisi yang bertemakan alam semesta, kebudayaan (bahasa, bangsa dan kesedaran) dan sosio-ekonomi sahaja dipilih daripada antologi-antologi puisi yang diterbitkan di antara tahun 1971-2000. Memandangkan tema kebudayaan merupakan satu bidang yang luas, maka aspek bahasa, bangsa dan kesedaran sahaja akan dipilih untuk kajian ini. Penyelidikan akan dilakukan ke atas keindahan bahasa mengikut tema-tema dalam puisi pilihan daripada antologi-antologi puisi yang merangkumi tempoh masa 30 puluh tahun. Walaupun penyair-penyair telah menyetengahkan banyak tema dalam puisi mereka, penyelidik hanya memilih tiga tema utama sahaja untuk kajian ini memandangkan tema-tema ini merupakan tema-tema yang kerap disentuh oleh penyair-penyair tempatan. Kajian keindahan bahasa yang diberikan keutamaan dalam kajian ini adalah unsur diksi, metafora dan simile. Tema-tema serta unsur keindahan bahasa yang lain diketepikan oleh penyelidik dalam kajian ini kerana ia adalah luar daripada skop kajian.

Penyelidik hanya memilih *marabu kavitai* (puisi-puisi klasik) sahaja untuk kajian ini. *putukkavitai – free verse* (Puisi-puisi moden) yang berkembang pesat mulai tahun 80-an tidak termasuk dalam kajian. Ini adalah kerana, pada dasarnya puisi jenis moden merupakan genre kesusasteraan baru dalam dunia Kesusasteraan Tamil Malaysia. Bidang itu masih tidak mencapai keutuhan dan nilai kesempurnaan

kesusasteraan berbanding Puisi Tamil Klasik. Hasil koleksi puisi moden dalam bentuk penerbitan juga kurang berbanding puisi klasik. Justeru, penyelidik hanya memilih puisi klasik dari tahun 1971 hingga 2000 untuk kajian ini

Dalam kajian ini, dua tempoh masa telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu tahap 1 (1971- 1985) dan tahap 2 (1986-2000). Daripada kajian rintis didapati suatu perbezaan utama dalam kalangan penyair adalah dari segi pemilihan tema, penggunaan keindahan bahasa serta variasi puisi mengikut dua tempoh masa yang ditetapkan. Pada umumnya, tema puisi Tamil amat topikal sifatnya dalam dua tahap ini. Didapati penyair-penyair amat cenderung mengutip ilham daripada apa yang berlaku di sekitar masyarakat untuk dijelmakan menjadi puisi. Oleh kerana tiap-tiap zaman melahirkan masalah yang berlainan, maka perbezaan yang ketara dari segi tema dan keindahan bahasa dapat diperhatikan dalam puisi-puisi yang diciptakan pada tahap yang dibahagikan di atas. Pembahagian dua tempoh masa adalah berdasarkan kepada tahun penerbitan antologi tersebut. Ini adalah kerana penyair tidak meletakkan tarikh bagi penghasilan puisinya. Justeru, penyelidik tidak berupaya mengesahkan kejituan tarikh penghasilan sesuatu puisi tersebut. Sebaliknya, penyelidik masih berupaya mengolongkan tempoh masa mengikut tarikh penerbitan antologi tersebut. Pembahagian dua tahap yang berbeza ini diharap dapat membantu pengkaji untuk mengkaji puisi-puisi dengan mudah mengikut objektif yang ditetapkan.

Sebanyak 36 puisi sahaja dipilih daripada 24 antologi puisi. Sebanyak 12 puisi dipilih bagi setiap katogeri mengikut tema. Dengan demikian, penyelidik hanya menganalisis 12 puisi dari setiap tema iaitu alam semesta, kebudayaan (bahasa, bangsa

dan kesedaran) dan sosio-ekonomi. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair prolifik Tamil Malaysia sahaja dipilih untuk kajian. Kriteria yang ditetapkan untuk pemilihan penyair prolifik ini berdasarkan kepada kepakaran, pengalaman, komitmen dan keaktifan mereka dalam bidang penulisan puisi. Pengiktirafan yang diperolehi dari segi penganugerahan hadiah sastera juga dijadikan kriteria pemilihan penyair dan puisi.

Memandangkan puisi merupakan genre universal, pandangan serta pengalaman pengajian puisi bahasa lain seperti Bahasa Melayu dijadikan ukuran perbandingan pada kajian ini. Hasil penyair dan pandangan sarjana dijadikan bahan pengukuhan kajian ini.

## **1.8 SKOP KAJIAN**

Penyelidik mengkaji keindahan bahasa yang menjadi ciptaan penyair dalam Puisi Tamil Malaysia. Kajian keindahan bahasa ini merujuk kepada unsur diksi, metafora dan simile dalam penghasilan puisi. Demi tujuan ini, pengkaji telah menumpukan kajian kepada lima puluh empat puisi yang dihasilkan melalui antologi-antologi yang diterbitkan dari tahun 1971 hingga 2000, oleh 36 penyair. Pemilihan puisi adalah berdasarkan kepada tiga tema utama iaitu tema alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi. Sebanyak tiga buah puisi dipilih daripada setiap tema utama. Pemilihan puisi ini berdasarkan objektif kajian dan mutu penulisan sesebuah puisi.

## **1.9 DEFINISI OPERASIONAL**

### **i) Keindahan Bahasa**

Keindahan bahasa merujuk kepada estetika bahasa dalam sesuatu bahasa yang dimanipulasikan untuk mengindahkan penterjemahan idea dengan licin. Puisi yang menggunakan imej, perlambangan, diksi, klise, metafora, anafora, epifora, simile, simbolik dan inversi adalah di antara estetika bahasa yang digelar keindahan bahasa. Keindahan bahasa yang berupa estetika bahasa juga merujuk kepada penggunaan kata yang padat dan berkesan untuk menyampaikan isinya kepada pembaca dengan berkesan.

keindahan bahasa dalam puisi mempunyai unsur konotasi. Ia mempunyai makna yang lebih daripada satu dan luas pengertiannya. Pada kebiasaannya keindahan bahasa dalam puisi dilambangkan melalui penggunaan kata yang sesuai dan tepat.

## **ii) Diksi**

Diksi merupakan kata yang dipilih dalam puisi atau sajak untuk menimbulkan daya bayang bagi pembaca. Diksi dapat menyampaikan isi hati seorang penyair. Ia disifatkan begitu kerana diksi merupakan kata yang sesuai untuk menyampaikan perasaan penyair serta sikapnya terhadap sesuatu suasana. Pemilihan diksi yang tepat dalam puisi dapat memberi peluang kepada pembaca untuk mengalami perasaan yang sama seperti yang dirasai oleh penyair. Pemilihan diksi yang tepat juga dapat mencerminkan pengalaman jiwa seorang penyair secara padat dan jitu. Diksi yang sesuai dalam puisi juga dapat menimbulkan imaginasi keindahan yang akhirnya membawa nilai keputisan dan nilai keindahan bahasa dalam sesuatu puisi.

Perkara yang diutamakan dalam pemilihan dan penyusunan itu ialah ketepatan, tekanan dan keistimewaan. Perhatian istimewa diberi terhadap sifat-sifat denotatif (makna langsung yang tersurat), konotatif (makna yang lebih luas daripada makna yang tersurat), bahasa kiasan dan sebagainya.

### iii) Metafora

Metafora ialah gaya bahasa perbandingan. Metafora biasanya terdiri daripada dua patah perkataan. Satu perkataan bersifat konkrit dan satu lagi bersifat abstrak. Penggunaan metafora menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat. Metafora tidak terikat kepada makna dua lapis dan tidak memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan perbandingan. Pada hakikatnya metafora itu dapat dikatakan ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan atau analogi. Metafora juga dapat berdiri sendiri sebagai unit sendiri mengambil tempat dan fungsi sendiri dalam struktur sintaksis. Misalnya :

- i. Dia *mencari syurga*.(dalam contoh ini *mencari syurga* ialah metafora untuk menyatakan *percubaan mendapatkan kebahagiaan kekal* dalam hidup)
- ii. Kata orang ada sekuntum *cempaka* di pejabatmu. (*cempaka* dalam ayat ini merupakan penggunaan metafora untuk menyatakan seorang gadis cantik)

Penggunaan metafora merupakan perbandingan tanpa menggunakan kata 'seperti', 'umpama' untuk menerangkan maksud tersirat.

#### iv) Simile

Simile ialah perbandingan antara sesuatu objek secara langsung. Simile merupakan penghasilan dari perbandingan antara dua perkara, yang menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkan atau mengumpamakannya dengan suatu perkara lain yang seumpama dengannya. Analogi atau perbandingan ini selalunya menggunakan kata pembanding *seperti, bagai, laksana, macam* atau *umpama* . Contoh di bawah menjelaskan keadaan ini.

- i. ....kerana iman yang menjadi bekalan cuma *senipis* kulit bawang  
( ketipisan iman watak dibandingkan seperti kulit bawang)

Pada hakikatnya, simile merujuk kepada penggunaan sesuatu benda atau hal untuk menunjukkan atau menyaranakan benda atau hal yang lain.

### 1.10 KESIMPULAN

Perkembangan Puisi Tamil Malaysia berlaku sejak penghijrahan Masyarakat Tamil ke Tanah Melayu iaitu selepas pendudukan British di Pulau Pinang pada Tahun 1786.

Walaupun Puisi Tamil Malaysia berkembang sejak tahun 1887, perkembangannya menjadi lebih pesat mulai tahun 70-an. Pada Zaman ini banyak antologi puisi telah dihasilkan dengan pelbagai tema. Ia adalah hasil daripada pengamatan dan pengalaman penyair terhadap pergolakan hidup Masyarakat Tamil di Malaysia.